

BERITA ONLINE

SINAR HARIAN

TARIKH: 23 OKTOBER 2022 (AHAD)



Kerajaan utamakan pembangunan digital - PM

Pelbagai inisiatif, bantuan dilaksana agar tiada pihak tertinggal dalam arus pembangunan teknologi

BERA

Kerajaan sentiasa mengutamakan pembangunan digital dan terus mewujudkan masyarakat celik teknologi terutamanya ketika negara menempuh era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan menuju ke arah negara berpendapatan tinggi, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, literasi digital yang dimiliki hari ini mewakili sebahagian ilmu yang terlalu kecil berbanding apa yang bakal hadir pada masa hadapan, yang akan menyaksikan pasaran kerja memerlukan individu berkemahiran tinggi, kreatif dan mempunyai pemikiran kritis.

"Ini kerana dalam IR 4.0, segala urusan harian manusia akan banyak bergantung ke-



FOTO: BERNAMA

Ismail Sabri bergambar bersama sebahagian daripada 150 penerima sumbangan komputer di Bera pada Sabtu.

pada teknologi terkini seperti automasi robotik yang dicipta khusus untuk mengoptimumkan keperluan dan keselesaan manusia.

"Penggunaan teknologi mutakhir ini membawa cabaran baharu kepada semua sektor dalam negara ini yang memerlukan mereka berubah seiring dengan transformasi digital untuk kekal berdaya saing," katanya semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sumbangan dan Penyerahan Komputer #thetaCares di sini pada Sabtu.

Bagi memastikan literasi digital berjaya, Ismail Sabri berkata, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan bantuan termasuk ke-

pada golongan B40 agar tiada pihak yang tertinggal dalam arus pembangunan teknologi.

Sebagai contoh, Ismail Sabri merujuk kepada pelaksanaan program PerantiSiswa, iaitu pemberian tablet berkualiti tinggi kepada kira-kira 400,000 pelajar yang layak bagi memastikan pelajar golongan B40 tidak ketinggalan dalam kaedah pembelajaran pada pasca pandemik.

Selain itu, kerajaan juga memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi merapatkan jurang digital dalam kalangan belia serta jurang antara penduduk bandar dengan luar bandar, dengan Ismail Sabri

memberi jaminan agenda literasi digital mampu ditingkatkan jika kerajaan terus menerajui pimpinan negara selepas ini.

Antara inisiatif kepada belia pula, Ismail Sabri mengambil contoh inisiatif e-Pemula sebanyak RM200 kepada seramai dua juta belia dan pelajar sepenuh masa serta RM100 kepada kumpulan M40 manakala pelaksanaan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 2 akan menyediakan 100 peratus liputan Internet di kawasan berpenduduk.

Menyentuh secara spesifik di Bera, penyandang kerusi Parlimen Bera itu berkata, setakat suku ketiga tahun ini, 95.9 peratus kawasan berpenduduk telah mendapat liputan 4G, dengan perkhidmatan jalur lebar disediakan oleh syarikat telekomunikasi Maxis dan Telekom Malaysia (TM) selain enam syarikat menyediakan perkhidmatan selular iaitu Celcom, Digi, Maxis, U Mobile dan Unifi Mobile.

"Bera juga mendapat liputan siaran myFreeview, iaitu siaran televisyen digital percuma Malaysia yang menawarkan saluran televisyen dan radio popular tanpa sebarang bayaran atau yuran langganan," ujarnya. - *Bernama*

Kerajaan sentiasa mengutamakan pembangunan digital dan terus mewujudkan masyarakat celik teknologi terutamanya ketika negara menempuh era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan menuju ke arah negara berpendapatan tinggi, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, literasi digital yang dimiliki hari ini mewakili sebahagian ilmu yang terlalu kecil berbanding apa yang bakal hadir pada masa hadapan, yang akan menyaksikan pasaran kerja memerlukan individu berkemahiran tinggi, kreatif dan mempunyai pemikiran kritis.

“Ini kerana dalam IR 4.0, segala urusan harian manusia akan banyak bergantung kepada teknologi terkini seperti automasi robotik yang dicipta khusus untuk mengoptimumkan keperluan dan keselesaan manusia.

“Penggunaan teknologi mutakhir ini membawa cabaran baharu kepada semua sektor dalam negara ini yang memerlukan mereka berubah seiring dengan transformasi digital untuk kekal berdaya saing,” katanya semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sumbangan dan Penyerahan Komputer #thetaCares di sini pada Sabtu.

Bagi memastikan literasi digital berjaya, Ismail Sabri berkata, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan bantuan termasuk kepada golongan B40 agar tiada pihak yang tertinggal dalam arus pembangunan teknologi.

Sebagai contoh, Ismail Sabri merujuk kepada pelaksanaan program PerantiSiswa, iaitu pemberian tablet berkualiti tinggi kepada kira-kira 400,000 pelajar yang layak bagi memastikan pelajar golongan B40 tidak ketinggalan dalam kaedah pembelajaran pada pasca pandemik.

Selain itu, kerajaan juga memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi merapatkan jurang digital dalam kalangan belia serta jurang antara penduduk bandar dengan luar bandar, dengan Ismail Sabri memberi jaminan agenda literasi digital mampu ditingkatkan jika kerajaan terus menerajui pimpinan negara selepas ini.

Antara inisiatif kepada belia pula, Ismail Sabri mengambil contoh inisiatif e-Pemula sebanyak RM200 kepada seramai dua juta belia dan pelajar sepenuh masa serta RM100 kepada kumpulan M40 manakala pelaksanaan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 2 akan menyediakan 100 peratus liputan Internet di kawasan berpenduduk.

Menyentuh secara spesifik di Bera, penyandang kerusi Parlimen Bera itu berkata, setakat suku ketiga tahun ini, 95.9 peratus kawasan berpenduduk telah mendapat liputan 4G, dengan perkhidmatan jalur lebar disediakan oleh syarikat telekomunikasi Maxis dan Telekom Malaysia(TM) selain enam syarikat menyediakan perkhidmatan selular iaitu Celcom, Digi, Maxis, U Mobile dan Unifi Mobile.

“Bera juga mendapat liputan siaran myFreeview, iaitu siaran televisyen dan radio popular tanpa sebarang bayaran atau yuran langganan,” ujarnya. - BERNAMA